



Ketepikan budaya 'silo', penjawat awam perlu kerja berpasukan - KSN

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Jun 15, 2023 @ 11:24am
mohd_iskandar@bh.com.my

PUTRAJAYA: Semua penjawat awam perlu menyetepikan budaya kerja secara silo atau bersendirian, sebaliknya mengamalkan semangat berpasukan selari dengan agenda Madani diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, berkata ia bagi memastikan setiap dasar dapat dilaksanakan seperti direncanakan kerajaan.

"Melalui platform kerjasama dan perkongsian antara rakan strategik juga mampu merangsang semangat kreatif dan inovasi dalam kalangan penjawat awam di negara ini.

"Ia selari dengan agenda diilhamkan Perdana Menteri iaitu penerapan aspirasi Malaysia Madani dalam perkhidmatan awam," katanya dalam kenyataan sempena Majlis Apresiasi Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2023.

Mohd Zuki berkata, konsep Malaysia Madani membabitkan enam nilai iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan amat penting untuk difahami semua penjawat awam.

Katanya, ia tidak boleh dilihat sebagai satu fahaman politik atau slogan semata-mata, tetapi perlu diterjemahkan kepada usaha murni berterusan yang dilaksanakan kerajaan.

"Jadi, saya berharap warga JPM menjadi lapisan pertama dalam merealisasikan agenda Malaysia Madani dan menjadi agensi yang paling depan dalam memperbanyakkan inisiatif serta dasar mendokong konsep Malaysia Madani.

"Ini penting demi memastikan visi 'Membina Malaysia yang Madani, Maju dan Sejahtera menjelang 2030' dapat direalisasikan," katanya.

Justeru, beliau berharap warga JPM dapat terus membudayakan budaya kerja unggul dan cemerlang supaya menjadi asas kepada peningkatan produktiviti sesebuah organisasi.

Terdahulu, beliau menyampaikan siji dan anugerah kepada 29 pesara bagi tahun ini, 206 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2022 serta dan penerima Anugerah Inovasi dan Kecemerlangan 2022 di bawah JPM.